

## **Larian Suwaibah Pupuk Keamanan Dunia Dapat Pengiktirafan Besar**

**Bernama**

**Jun 4, 2014**

**Oleh Linda Khoo Hui Li**

VENICE (Itali), 4 Jun (Bernama) -- Keamanan memerlukan perjalanan beribu-ribu batu, yang perlu dilakukan langkah demi langkah, demikian kata-kata dipetik daripada bekas Presiden Amerika Syarikat, Lyndon B. Johnson.

Berpegang pada kata-kata hikmat itu, pelari solo Malaysia, Suwaibah Muhammad Nasir sanggup meredah laluan sejauh 3,333 kilometer memasuki dua belas buah negara sebagai langkah untuk memupuk keamanan dunia.

Dalam melaksanakan misi itu, pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) berusia 41 tahun ini menempuh keadaan rupa bumi yang amat mencabar bagi melengkapkan Larian Laluan Sutera juga dikenali sebagai 'Across Reverse of Marco Polo Adventure (AROMA)'.

Bekas atlet kebangsaan ini kini dalam perjalanan untuk mencipta satu lagi rekod dalam Guinness World Book of Records sebagai wanita Malaysia pertama berlari solo di laluan perdagangan bersejarah itu.

Bertemakan 'One World One Hope', larian Suwaibah bertujuan memupuk keamanan dunia kepada masyarakat pelbagai agama, bangsa dan budaya di negara yang dilaluinya.

Menurut Suwaibah, melalui larian itu, dia dan pasukannya menyebarkan mesej 'One World One Hope' di 12 buah negara sambil menegaskan bahawa setiap orang perlu bekerjasama memupuk keamanan bagi melindungi nyawa generasi masa depan.

"Kami menyatakan bahawa keamanan bukan sahaja boleh dicapai, malah merupakan antara keperluan paling utama dan mendesak dalam kehidupan kita. Kami percaya bahawa melalui kerjasama, seluruh dunia boleh bersatu padu melalui keamanan dan persahabatan.

"Kami percaya mempunyai komitmen tambahan terhadap kemanusiaan untuk generasi akan datang. Kami akan berusaha memberi inspirasi kepada individu dan negara di seluruh dunia supaya bekerjasama untuk keamanan, perpaduan dan persahabatan,"

katanya kepada wartawan Malaysia di Venice, Selasa.

Suwaibah dan pasukan sokongannya yang terdiri daripada 10 anggota, termasuk pakar logistik, seorang doktor, pembantu peribadi, penulis dan kru penerbitan, berlepas dari Malaysia pada 29 Mac sebelum dia memulakan larian pada 30 Mac di Beijing, China, yang merupakan satu daripada 67 tempat pemeriksaan.

Dia berlari purata 50 km sehari (25 km pada pagi dan 25 km pada tengah hari) melalui Kazakhstan, Uzbekistan, Turkmenistan, Iran, Turki, Bulgaria, Serbia, Croatia dan Slovenia hinggalah ke pusat pemeriksaan terakhir di Venice, Itali.

Isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, yang juga penaung Larian Laluan Sutera Marco Polo, menyambut ketibaan Suwaibah di Riva Sette De Marite pada 3.55 petang waktu tempatan (9.55 malam waktu Malaysia), Selasa.

"Di sepanjang larian, saya terpaksa mengatasi pelbagai rintangan, bahaya dan kadangkala jurupandu yang berperangai ganas, polis sempadan yang bersikap kasar, sungai yang mengalir deras, laluan bersalji dan padang pasir seluas mata memandang. Saya menempuh laluan yang panjang dan sungguh memeritkan.

"Saya gembira kerana akhirnya tiba juga saya di sini setelah meredah tempat paling dahsyat dan menempuh cabaran yang amat hebat," katanya.

Selain berlari, Suwaibah dan pasukannya terlibat dengan kegiatan tanggungjawab sosial korporat dengan mengagihkan air mineral, jus buah-buahan dan barangan keperluan lain kepada mangsa banjir Balkan di Serbia.

"Ini meningkatkan pembabitan kami dan menjalin hubungan dengan masyarakat terbabit, di samping mengharumkan lagi nama baik dan imej negara kita," katanya.

Sebelum ini, Suwaibah melakar pelbagai kejayaan dalam acara marathon dan mencatat 10 rekod dalam Malaysia Book of Records, termasuk sebagai wanita pertama Malaysia berlari solo sejauh 1,111 km merentasi gurun Sahara di Mesir.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1043667>